



# Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:  
[www.consumer.org.my](http://www.consumer.org.my)

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109  
email: [consumerofpenang@gmail.com](mailto:consumerofpenang@gmail.com)

**Surat Kepada Pengarang**

**26 Julai 2016**

## **KENAPA TERDAPAT KERAHSIAAN DALAM PENARIKAN BALIK KERETA DI MALAYSIA**

Kami difahamkan bahawa model kereta Ford Focus mempunyai masalah *driveshaft* yang serius yang boleh menyebabkan ia patah “dalam keadaan pemanduan tertentu”.

Baru-baru ini dalam satu kes di Johor, bahagian *driveshaft* jatuh menyebabkan hujung *driveshaft* longgar dan tergantung menyebabkan calar yang panjang pada permukaan jalan. Nasib baik tiada seorang pun yang mengalami kecederaan.

Menurut [paultan.org](http://paultan.org), laman sesawang Berita Automotif Malaysia, lebih 4,000 unit *pre-facelift* C 346 antara 21 Mac 2013 dan Januari 2014 telah ditarik balik di Australia bagi penggantian bahagian yang rosak. Menurut sumber yang sama, terdapat lebih 1,200 model/kumpulan kereta yang sama di Malaysia.

Kereta ini dipasang di Thailand dan menurut seorang pemilik kereta yang menghubungi kilangnya di Thailand, beliau diberitahu sebarang aduan mestilah dikemukakan kepada syarikat pengimport di Malaysia iaitu Sime Darby Auto Connexion Sdn. Bhd.

Selepas kes kegagalan *driveshaft* di Johor, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan Ford ASEAN dan pejabat APEM mengeluarkan pekeliling “Program Kepuasan Pelanggan R1413” kepada pemilik model/kumpulan kereta ini.

Masalah *driveshaft* ini sudah pun diketahui lebih awal dan penarikan balik telah dibuat di Australia. Bagaimanapun, Ford ASEAN dan APEM memilih untuk berdiam diri sehinggalah insiden itu berlaku di Johor pada 28 Mei 2016 dan pekeliling itu kemudiannya dikeluarkan pada 6 Jun 2016.

Pemberitahuan itu dihantar melalui pos dan jika pemilik asal telah menjual kereta itu, pemilik baharu itu mungkin tidak akan mendapat surat pekeliling itu.

Ford sebenarnya menarik balik kereta ini, tetapi kenapa ia dilakukan secara rahsia? Di negara lain, Ford perlu membuat pengumuman awam mengenai penarikan balik seperti itu.

Kami menggesa Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan supaya menggunakan Seksyen 23 Akta Perlindungan Pengguna 1999 untuk mengisytiharkan kumpulan Ford Focus yang terjejas sebagai barangan yang tidak selamat bagi pengeluar/pembekal untuk memastikan setiap unit diperbaiki sebelum berlaku sebarang kecederaan atau kehilangan nyawa.

**S.M. MOHAMED IDRIS**

**Presiden**

**Persatuan Pengguna Pulau Pinang**